

21) PROJEK TERBENGKALAI PERUMAHAN BEKAS PEKERJA LADANG DUSUN DURIAN MORIB

Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah status dan penyelesaian terkini mengenai projek terbengkalai yang melibatkan pekerja ladang dusun durian setelah perbincangan dibuat antara pihak Kerajaan Negeri dengan pemaju pada bulan Januari 2025?**

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak perunding yang dilantik oleh pemaju Era Permai Sdn Bhd telah mengemukakan permohonan kelulusan Kebenaran Merancang. Seterusnya Majlis Perbandaran Kuala Langat telah memberikan kelulusan semula Pelan Kebenaran Merancang bersyarat bertarikh 31 Julai 2025. Pada masa kini, pihak pemaju masih dalam tindakan untuk mematuhi segala syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang tersebut yang melibatkan sokongan daripada agensi teknikal luaran yang mana tempoh pematuhan syarat-syarat tersebut akan tamat pada Disember 2025. Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang Bersyarat akan menyebabkan permohonan tersebut terbatal seterusnya pemaju perlu mengemukakan semula permohonan baru ke Unit Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk kelulusan dan perkara ini akan menyebabkan pemulihan projek akan tertangguh lagi.

- b) Bilakah projek ini dapat diselesaikan setelah hampir 19 tahun terbengkalai?**

Berkenaan dengan jangkaan penyiapan projek tersebut, sekiranya pemaju dapat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang bersyarat tersebut, dijangka projek dapat disiapkan pada bulan Januari 2029.